


Taburan Air di Bumi

Kitar air




Jumlah air yang terkandung di Bumi adalah tetap. Hal ini kerana terdapat kitar air yang meliputi pergerakan air dari laut ke atmosfera, dan kemudian dari atmosfera ke tanah, dan kembali semula ke laut.

Lapisan Bumi

Mantel ialah lapisan Bumi yang terletak di bawah lapisan kerak Bumi. Lapisan mantel dilapisi oleh magma yang kental dan bersuhu panas iaitu antara 1400°C hingga 2500°C . Lapisan mantel ini berkedalaman antara 100 km hingga 2900 km.


Kerak ialah lapisan paling luar Bumi yang menjadi habitat bagi semua hidupan. Lapisan kerak ini tersusun di atas tanah dan batuan. Lapisan kerak berkedalaman di antara 0 hingga 100 km dari permukaan tanah.



Teras luar ialah lapisan Bumi yang terletak di bawah lapisan mantel. Lapisan teras luar ini bersuhu sangat panas iaitu sekitar 3000°C hingga 5000°C .

Teras dalam ialah lapisan Bumi yang terletak di bawah lapisan teras luar. Lapisan teras dalam ini bersuhu sangat tinggi iaitu sekitar 3000°C hingga 5000°C . Teras dalam berdiameter 6800 km.

Proses Pembentukan Batuan



Batuan igneus	Batuan sedimen	Batuan metamorfik
• Terbentuk apabila magma atau lava yang terbentuk daripada lapisan mantel menyejuk dan membeku. • Contoh: Granit, basalt dan obsidian	• Terbentuk oleh sedimen yang terenalap untuk jangka masa panjang, biasanya sebagai lapisan bawah tasik atau laut. • Contoh: Batu pasir, batu lumpur dan batu kapur	• Hasil transformasi batuan igneus atau sedimen yang terdedah kepada haba dan suhu yang sangat tinggi. • Contoh: Marmar, batu loh dan syis